



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
*Office of the Director General of Education Malaysia*  
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA  
Level 7 Block J Damansara Town Centre  
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900  
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld.XVI (9)  
30 Mac 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 9/2000:***  
**Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran**  
**Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum**  
**dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah**

Kementerian Pendidikan memandang amat serius akan beberapa insiden kemalangan, membabitkan murid sekolah yang berlaku sejak akhir-akhir ini. Kemalangan yang berlaku didapati telah membawa kepada kecederaan dan kematian pelajar kerana terhempap palang gol, terlanggar tiang gol, terkena lontaran peluru dan terjatuh di dalam tangki najis. Berlakunya insiden-insiden sedemikian, menggambarkan bahawa pihak pengurusan sekolah telah mengabaikan aspek keselamatan yang sepatutnya sentiasa diberi perhatian dan keutamaan.

2. Pihak sekolah adalah dipertanggungjawabkan, untuk memastikan keselamatan diri pelajar terjamin semasa berada di sekolah. Oleh itu langkah-langkah keselamatan perlu diwujud dan diamalkan untuk mengelak atau mengawal sebarang kemungkinan berlakunya kemalangan di kalangan murid ketika menjalani aktiviti di sekolah, sama ada aktiviti-aktiviti pembelajaran, pendidikan jasmani, kegiatan kokurikulum atau sukan.

3. Surat Pekeling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memperingatkan kepada semua Pengetua dan Guru Besar supaya sentiasa berwaspada terhadap kemungkinan-kemungkinan yang boleh berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini ke atas diri murid serta mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengelakkannya.

4. Sebagai panduan, berikut adalah di antara beberapa langkah yang sewajarnya dilakukan:-

**4.1 Guru Opsyen Pendidikan Jasmani dan Kesihatan:**

- 4.1.1 Menjaga keselamatan murid dengan rapi semasa di dalam atau di luar bilik darjah.
- 4.1.2 Bertanggungjawab mengeluar, mengguna dan menyimpan alat-alat sukan walaupun boleh dibantu oleh murid.

#### **4.2 Guru Kokurikulum dan Sukan:**

- 4.2.1 Guru-guru mestilah mengawasi dan peka terhadap keselamatan murid-murid yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum dan sukan.
- 4.2.2 Guru-guru hendaklah memastikan semua alat sukan berada dalam keadaan baik dan selamat sebelum digunakan.

#### **4.3 Murid:**

- 4.3.1 Setiap murid perlu mendapatkan kebenaran bertulis dari ibu bapa atau penjaga dan pengetua atau guru besar untuk mengambil bahagian di dalam sukan dan aktiviti kokurikulum di luar sekolah.
- 4.3.2 Keselamatan dan kebajikan murid perlu diberi keutamaan seperti makanan dan minuman dan lain-lain lagi.
- 4.3.3 Guru hendaklah mengiringi murid dalam semua aktiviti di luar kawasan sekolah. Sekiranya terdapat murid perempuan, seorang guru wanita hendaklah mengiringi pasukan tersebut.
- 4.3.4 Kesihatan murid perlu diberi perhatian dan diambil kira.
- 4.3.5 Murid yang mempunyai penyakit kronik tidak boleh dipaksa mengambil bahagian.
- 4.3.6 Bagi semua aktiviti lasak, murid-murid dikehendaki menjalani pemeriksaan doktor terlebih dahulu.
- 4.3.7 Murid-murid yang cedera, semput atau lelah (*asthma*) tidak dibenarkan mengambil bahagian.

#### **4.4 Skim Perlindungan Diri:**

- 4.4.1 Sekolah digalakkan mengadakan skim perlindungan diri untuk semua murid yang merangkumi perkara-perkara berikut:
  - a) kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik sekolah.
  - b) kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik bersukan.
  - c) kemalangan semasa menyertai sukan dan kokurikulum.
  - d) kemalangan yang disebabkan peralatan sukan yang masih dalam '*warranty*'

#### **4.5 Penyelenggaraan Peralatan Sukan (Stor Sukan):**

- 4.5.1 Peralatan sukan yang dianggap merbahaya dan jika diabaikan boleh membawa maut adalah Lembing, Peluru, Cakera, Tukul Besi, Tiang Lompat Tinggi, Tiang Lompat Bergalah, Kayu Hoki, Kayu Golf, Badminton, Bola Hoki, Bola Kriket, Bola Golf, Bola Baling, Bola Billiard, Dart, Spikes, Anak Panah dan Peralatan Gimnastik.

- 4.5.2 Pastikan semua latihan sukan yang menggunakan peralatan yang merbahaya seperti yang dinyatakan dalam 4.5.1 diadakan pada hari atau masa yang berasingan dengan latihan sukan lain.
- 4.5.3 Peralatan merbahaya hendaklah disimpan, dijaga dan diawasi penggunaannya dengan rapi sepanjang masa,
- 4.5.4 Alat-alat sukan mestilah diletakkan pada tempat khas yang mudah diambil oleh orang-orang yang ditugaskan sahaja.
- 4.5.5 Setiap alat yang dikeluarkan dari stor sukan mestilah direkodkan dalam buku keluar-masuk alat-alat sukan oleh guru atau jurulatih sahaja.
- 4.5.6 Peralatan sukan tidak boleh dibawa pulang ke rumah oleh sesiapa pun dan ia hendaklah diambil dan dipulangkan pada hari yang sama.
- 4.5.7 Mempunyai kawasan yang selamat untuk menyimpan semua peralatan yang tidak digunakan.
- 4.5.8 Penjaga stor hendaklah memeriksa dan memastikan peralatan yang baik sahaja yang boleh dikeluarkan.
- 4.5.9 Peralatan yang sudah rosak hendaklah dilaporkan pada pentadbir sama ada untuk diperbaiki atau dimusnahkan.

#### **4.6 Peralatan Sukan:**

- 4.6.1 Peralatan sukan seperti Tiang Gol hendaklah ada ‘*warranty*’ daripada pembekal selain daripada piawai yang diluluskan oleh undang-undang persatuan sukan.
- 4.6.2 Semua peralatan yang sudah tamat tarikh luput hendaklah dimusnahkan dengan serta merta.
- 4.6.3 Adalah salah membeli, meminjam atau memberi pinjam, mengguna peralatan sukan yang tidak mendapat pengiktirafan dari Badan Sukan.

#### **4.7 Kawasan Sukan/Permainan:**

- 4.7.1 Kawasan latihan, permainan atau sukan hendaklah berada dalam keadaan yang baik dan terurus.

#### **4.8 Kawasan Larangan:**

- 4.8.1 Kawasan Larangan dan merbahaya adalah kawasan yang dibenarkan kepada guru/jurulatih sahaja untuk mengawasi aktiviti sukan.
  - a) Kolam Renang.
  - b) Dewan Gimnastik.
  - c) Bilik Kecergasan/Latihan Beban.

- d) Stor Sukan.
- e) Kawasan Berpagar tempat menyimpan peralatan sukan yang besar seperti Tiang Gol.

**4.9 Cuaca/Musim:**

- 4.9.1 Adalah dilarang sama sekali menjalankan aktiviti sukan di tempat lapang semasa cuaca buruk dan adanya kilat atau petir.
- 4.9.2 Adalah tidak dibenarkan mengadakan aktiviti sukan semasa hujan dan ribut petir, sama ada di padang atau kolam renang.
- 4.9.3 Berhentikan aktiviti sukan apabila keadaan menjadi gelap kerana hendak hujan.

**4.10 Laporan Kemalangan atau Kcederaan:**

- 4.10.1 Sebarang kemalangan atau kecederaan yang berlaku hendaklah disiasat dan dilaporkan kepada pengetua atau guru besar dengan segera.
- 4.10.2 Semua jenis kemalangan mestilah direkodkan.

**4.11 Aktiviti Sukan Kemahiran Tinggi:**

- 4.11.1 Segala aktiviti sukan seperti gimnastik terjun dan lain-lain yang memerlukan kemahiran tinggi perlu diajar oleh guru sukan yang bertaualiah.
- 4.11.2 Pastikan ada '*life saver*' yang bertaualiah bertugas semasa aktiviti-aktiviti sukan renang dijalankan.

**4.12 Pelaporan Aktiviti (Penilaian):**

- 4.12.1 Guru pengiring mestilah membuat laporan bertulis kepada pihak sekolah mengenai sebarang aktiviti yang dijalankan atau disertai.

5. Surat Pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1995 bertarikh 6 April 1995, dan sila maklumkan kepada Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad  
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan
3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan
4. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir  
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
9. Ketua Nazir Sekolah
10. Pegawai Perhubungan Awam